

PPUU UMS-SKMM anjur sesi perkongsian undang-undang

Oleh YAP SIONG HAN

05 6.1.2019 A10
KOTA KINABALU: Pejabat Penasihat Undang-Undang (PPUU) Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan satu sesi perkongsian bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) di Galeri Majlis UMS, di sini, pada Khamis.

Sesi perkongsian yang bertajuk 'Media Sosial: Isu dan Cabaran dalam Perkhidmatan



IRWAN ketika menyampaikan sesi perkongsian pada majlis itu.

Awam' disampaikan Timbalan Pengarah SKMM Wilayah Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, Irwan Ahmad Sabtu di hadapan lebih 60 kakitangan UMS yang hadir.

Dalam perkongsiannya, Irwan berkata, pengguna media sosial bukan sekadar sebagai pengguna semata-mata tetapi juga sebagai penyalur maklumat melalui akaun media baharu masing-masing tidak kira tempat dan masa.



RAKAMAN gambar kenangan ketika pada majlis itu.

"Media sosial juga digunakan dalam sektor awam bagi memenuhi kehendak persekitaran yang

sentiasa berubah-ubah sekali gus mampu memantapkan sistem perkhidmatan yang lebih pantas dengan cakupan

maklumat terkini untuk rujukan masyarakat.

"Sebagai penjawat awam, penggunaan media sosial

secara peribadi juga harus tertakluk di bawah perintah am," katanya.

Menurutnya, SKMM antara lain mahu menerapkan masyarakat sebagai warga digital yang menggunakan internet berteraskan rukun negara serta lebih berintegriti dan bertanggungjawab dalam mengeluarkan apa-apa kandungan dalam internet.

Hadir sama Ketua PPUU UMS, Yenney Fadzlyena Ahmad Shah.